

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkara berikut:

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM085/ MAKANAN DAN MINUMAN/ 2014	SEBUT HARGA UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN ISLAM (HALAL) BERMASAK DI KAFETARIA 3 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	Kementerian Kewangan Malaysia: Kod Bidang : 040103- (Makanan bermasak Islam)	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 4 September 2014 hingga 17 September 2014	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 18 September 2014 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **4 September 2014** hingga **17 September 2014** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual **2 September 2014** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **18 september 2014** dengan bayaran **RM10.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Sila bawa bersama Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia semasa membeli sebut harga ini.

5. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
6. Sebut Harga ini akan ditutup pada **18 September 2014**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
7. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



(Pegawai Unit Perolehan)

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095
FAKS : 06 – 331 6296**